

Dimensi baharu kepimpinan ke arah kecemerlangan sukan

Berita HARIAN (01/10/2020) M/S 11

Baru-baru ini dunia sukan tanah air disajikan berita menarik apabila Khairy Jamaluddin Abu Bakar, menang tanpa bertanding jawatan Presiden Persatuan Lumba Basikal Negeri Sembilan.

Ia menarik kerana perkara ini tiba-tiba sahaja berlaku dan hasrat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi itu bertanding dizahirkan beberapa hari sahaja sebelum mesyuarat pemilihan.

Ibarat tiada angin, pokok bergoyang.

Pastinya, minat mendalam dalam bidang sukan sebatu dalam diri dan menjadi darah daging beliau.

Khairy atau lebih popular dengan panggilan KJ diakui seorang atlet yang aktif. Pernah menang pingat emas untuk negara dalam acara polo di Sukan Sea Kuala Lumpur 2017.

Sebagai Menteri Belia dan Sukan ketika itu, beliau menempa pelbagai kejayaan cemerlang dan dibanggakan.

Sebelum itu, pernah juga menjawat jawatan Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Memandangkan jawatan beliau dalam Kabinet tiada kaitan dengan sukan, kedudukan dalam persatuan sukan antara cara beliau terus aktif dalam bidang diminati.

Satu ketika dahulu, pernah ada keputusan Jemaah Menteri tidak membenarkan Menteri Persekutuan memegang apa-apa jawatan dalam persatuan sukan, namun tidak pasti sejauh mana kedudukannya sekarang?

Apa pun, setakat tidak ada langsung

isu atau arahan untuk KJ meletakkan jawatan.

Rata-rata mengalu-alukan langkah ini yang dilihat amat positif untuk menyuntik semangat baharu kepada sukan berbasikal.

Dalam skop lebih besar, ia langkah permulaan ke arah sesuatu lebih mencabar. Jika berjaya, ia akan memberi dimensi baharu kepada kepimpinan persatuan sukan di negara ini sama ada pada peringkat negeri atau kebangsaan.

Sebelum ini, ada ditulis tentang masalah melanda pembangunan sukan negara akibat kepimpinan lemah.

Ramai pemimpin persatuan sukan mempunyai agenda peribadi dan menggunakan persatuan didukung untuk memenuhi nafsu serong sendiri.

Akibatnya sukan gagal menyerlah tanpa pencapaian boleh dibanggakan. Lebih memburukkan, berlaku konflik

dalam yang ada di antaranya diheret ke mahkamah.

Sudah tentu banyak cabaran harus dilalui KJ, apatah lagi sukan berbasikal pernah dipalit isu dan kemelut penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dana yang mengakibatkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) campur tangan.

Tidak kurang melihat ia permulaan buat KJ. Ramai termasuk atlet sendiri mencadangkan beliau mengambil alih tampuk kepimpinan Persatuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM).

Malah, kehadiran Timbalan Presiden PKBM ke mesyuarat pemilihan Persatuan Lumba Basikal Negeri Sembilan baru-baru ini ibarat memberi restu kepada KJ.

Selain kredibiliti, pengalaman dan rekod laluan untuk memacu persatuan ke arah lebih tinggi, kantung PKBM juga akan lebih berisi memandangkan jaringan

dimiliki KJ lantas tidak perlu lagi bergantung bantuan kerajaan semata-mata.

Program Junior Cycling Malaysia (JCM) selaku idea asal beliau yang kini dilaksanakan Majlis Sukan negara (MSN), boleh diambil alih dan dilaksanakan sepenuhnya PKBM.

Harapannya, KJ dapat membawa dimensi baharu kepada corak kepimpinan persatuan sukan di semua peringkat. PKBM boleh dijadikan contoh atau model bagaimana tadbir urus sebuah persatuan berkenaan perlu dibuat yang pastinya penuh berintegriti.

Harapan melihat penyertaan persatuan berbasikal bukan matlamat utama KJ kerana beliau mampu memegang jawatan di organisasi lebih penting yang boleh menentukan hala tuju pembangunan sukan negara secara keseluruhannya.

Contohnya, Majlis Olimpik Malaysia (MOM) yang menaungi hampir keseluruhan persatuan sukan kebangsaan negara.

Beliau sudah boleh mula memikirkan atau merancang bertanding jawatan tertinggi organisasi berkenaan iaitu jawatan Presiden di mesyuarat pemilihan tahun hadapan.

Ramai memperkatakan kelemahan kepimpinan MOM hari ini dan KJ sendiri maklum mengenainya. Sesuatu perubahan drastik perlu dilakukan.

Ayuh tepuk dada, tanya selera. Negara perlukan anda, MOM perlukan anda dan persatuan sukan juga perlukan anda. Kalau tidak sekarang, bila lagi? Inilah masanya.

Ramai memperkatakan kelemahan kepimpinan MOM hari ini dan KJ sendiri maklum mengenainya. Sesuatu perubahan drastik perlu dilakukan.

Ayuh tepuk dada, tanya selera. Negara perlukan anda, MOM perlukan anda dan persatuan sukan juga perlukan anda. Kalau tidak sekarang, bila lagi? Inilah masanya.

Penulis adalah bekas Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara



Datuk Seri Zolkples Embong